



# salam@uitm



ISO 9001:2000 No. Sijil KLR 0404089

Bil. 03 Julai - Sept 2017  
<http://www.uitm.edu.my>

## Buletin UiTM berwajah baharu !

**UiTM** *di hatiku*



# Seminar Eksekutif dan Mesyuarat Pendaftar Bersama **Penolong Pendaftar Seluruh Sistem UiTM**



24 Julai 2017 – Bertempat di Dewan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam. Seminar Eksekutif dan Mesyuarat Pendaftar bersama Penolong Pendaftar seluruh sistem UiTM telah berlangsung dengan jayanya. Seramai 268 orang peserta yang terdiri daripada Skim Penolong Pendaftar gred N41 dan ke atas telah dijemput untuk menyertai program ini.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan melalui sesi perkongsian ilmu, menyelaraskan hal ehwal berkaitan pengurusan sumber manusia di seluruh sistem UiTM dan memberi ruang perbincangan dan perkongsian maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran universiti.

Program ini dimulakan dengan ucapan Naib Canselor, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said yang menekankan peranan pentadbir universiti sebagai tulang belakang yang menyokong visi dan misi universiti dan para pentadbir disarankan supaya lebih kreatif serta bersikap fleksibel dalam melaksanakan tugas. Beliau juga menasihati para pentadbir agar melengkapi diri dengan *skills set* yang merangkumi tiga perkara utama iaitu *relevant, referred and respect* (3R) untuk menghadapi cabaran-cabaran mendatang.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini turut diisi dengan Mesyuarat Pendaftar bersama Penolong Pendaftar, Taklimat Perancangan Strategik Sumber Manusia UiTM 2016-2020, Taklimat Hala Tuju Dan Cabaran Pentadbir Di Masa Hadapan, Taklimat Integriti dan Taklimat Ancaman Keselamatan Negara.



Konsep, Rekabentuk & Terbitan  
**Bahagian Canseleri Dan Komunikasi Korporat**  
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor